

2026 lonjak sektor tenaga boleh baharu

Dari muka 15

PEMACU PERTUMBUHAN UTAMA

Menurut Guntor, keyakinan terhadap lonjakan sektor TBB ini adalah berdasarkan kepada potensi terhadap permintaan tenaga bersih yang semakin berkembang.

Contohnya, kata beliau, ledakan pusat data di negara menuntut penggunaan tenaga yang tinggi dan selari dengan dasar antarabangsa yang menuju sifar karbon sudah tentu TBB akan menjadi keutamaan.

“Pengembangan pesat pusat data memacu permintaan kuasa, memacu perolehan TBB melalui program korporat seperti CRESS dan CGPP,” katanya.

Selain itu katanya, dasar kerajaan seperti mana yang diumumkan dalam Belanjawan 2026 turut menjurus kepada lonjakan TBB di negara ini.

Katanya, melalui belanjawan itu dasar dan insentif terhadap tenaga hijau terus diperkukuhkan dan dimantapkan lagi dengan pelancaran LSS6 (2 GW) yang dijadualkan pada Suku Pertama 2026 selain lanjutan GTFS dan pelancaran cukai karbon untuk menggalakkan penyahkarbonan.

Selain itu, kata Guntor, apabila teknologi semakin



GUNTOR TOBENG

berkembang kos daya saing dan kos penajaan juga semakin rendah apabila ekonomi skala menjadikan solar lebih murah daripada loji bahan api fosil.

“Permintaan korporat melalui program seperti CGPP dan CRESS membolehkan pembelian TBB secara langsung, dengan projek meningkatkan operasi komersial pada tahun 2026.

“Integrasi grid dan storan termasuk pelaburan dalam sistem storan tenaga bateri (BESS) dan solar hidro-terapung hibrid akan terus me-

nyokong lonjakan ini.

“Kapasiti TBB diunjurkan berkembang pesat ke arah 18-30 GW menjelang 2035,” katanya.

Bagi perkhidmatan EPCC pula katanya, ia membuka peluang pelaburan sekitar RM13 bilion hingga RM14 bilion daripada program utama dan GLIC/GLC pula mampu menggerakkan projek bernilai lebih RM16 bilion dalam tahun 2026,” katanya.

CABARAN TAHUN 2026

Bagaimanapun kata Guntor, di sebalik perkembangan positif itu, industri solar di negara ini dikejutkan keputusan China menghapuskan rebat eksport sembilan pera-

tus ke atas semua peralatan solar.

Katanya, ini akan menyebabkan harga import meningkat yang menyebabkan kenaikan harga sel solar.

“Ini akan menjejaskan keuntungan solar di negara ini terutama LSS kerana tender dibuat berdasarkan kepada harga sebelum ini. Ini pasti akan memberi kepada harga EPCC,” katanya.

Oleh itu semua pihak terutama kerajaan perlu memberi perhatian kepada perkembangan terbaharu di China ini supaya ia tidak menjejaskan dasar tenaga boleh baharu negara, terutama projek-projek LSS yang telah diluluskan tender.